

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIIH – BAHASA KEBANGSAAN**

**DEWAN RAKYAT YANG KESEPULUH**

**MALAYSIA**

-----

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KEDUA**

**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**HARI ISNIN 10 JULAI, 2000 PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 41**

**1**

**MENGANGKAT SUMPAH**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. **Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang usaha dan tindakan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan mengenai:
  - (a) mengenal pasti punca dan penyelesaian masalah gangsterisme di kalangan pelajar sekolah yang semakin berleluasa dewasa ini; dan
  - (b) kadar keciciran yang tinggi dan kualiti pengajaran yang menurun di sekolah-sekolah di kawasan orang asli.

(PM #7150 v1)
2. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk membantu sektor-sektor perusahaan negara ini bagi menghadapi liberalisasi pasaran di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

(PM #6614 v1)
3. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kes dan wang yang telah dikesan hilang daripada mesin juruwang automatik (ATM) di bank-bank seluruh negara bagi tahun 1999 dan tahun ini dan apakah tindakan Kementerian ke atas bank-bank yang gagal membayar pampasan kepada mangsa disebabkan kelemahan sistem keselamatan ATM bank-bank yang berkenaan dan juga di atas bank-bank yang tidak mahu bertanggungjawab di atas kejadian tersebut.

(PM #16628 v1)
4. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan keadaan yang sebenarnya krisis tebusan Sipadan di Jolo, Filipina. Apakah masalah dan cara penyelesaiannya untuk menyelamatkan para tebusan itu.

(PM #6639 v1)

5. **Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar [Subang]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkembangan terkini mengenai cadangan pembinaan Lebuhraya bertingkat di atas Lebuhraya Persekutuan dari Subang ke Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas.  
(PM #6713 v1)
6. **Dato' Napsiah binti Omar [Kuala Pilah]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah resolusi Conference Beijing + 5 dapat meringankan beban wanita dan apakah program-program yang harus dilaksanakan supaya wanita Malaysia mendapat manfaat daripadanya.  
(PM #7062 v1)
7. **Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauhmanakah kebenaran dakwaan Panglima Tentera Nasional Indonesia (TNI) Laksamana Widodo Adisutjipto bahawa perbuatan mencerooboh wilayah Indonesia oleh rakyat Malaysia di sepanjang sempadan Kalimantan terutamanya berkaitan dengan kegiatan pembalakan haram adalah serius dan nyatakan syarikat-syarikat Malaysia yang terlibat dengan pembalakan di Kalimantan.  
(PM #6874 v1)
8. **Tuan Philip Benedict Lasimbang [Penampang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagi tempoh 1990-1999, berapakah jumlah kewangan yang disumbangkan oleh PETRONAS bagi pemberian projek-projek Sosial bagi Negeri-negeri Sabah, Sarawak dan Terengganu. Apakah kriteria-kriteria yang digunakan oleh PETRONAS bagi pemberian peruntukan untuk projek-projek Sosial tersebut.  
(PM #7106 v1)
9. **Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald [Sri Aman]** minta **MENTERI PERTANIAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang dijalankan untuk memperkembangkan industri tanaman padi di Malaysia amnya dan di Sarawak khususnya. Apakah dan di manakan kajian yang sudah dibuat untuk tujuan ini di Sarawak dan apakah temuan yang telah didapati.  
(PM #7193 v1)
10. **Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan menyelamatkan beberapa syarikat bermasalah seperti Prime Utilities, Proton dan UEM baru-baru ini oleh Khazanah Nasional dan Petronas yang dilihat bertentangan dengan Dasar Penswastaan Negara. Adakah ini bermakna Kerajaan mengakui kegagalan dasar ini ekoran Kerajaan akhirnya menanggung beban dan menggunakan wang rakyat.  
(PM #7334 v1)
11. **Dr. Yee Moh Chai [Tanjong Aru]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
  - (a) jumlah duti setem tahunan yang dipungut daripada Sabah sejak 5 tahun lalu dan berapa banyak daripada jumlah duti setem ini yang berpunca daripada pengurusan tanah di Sabah; dan
  - (b) bilakah Kerajaan Persekutuan akan mengembalikan kepada Kerajaan Negeri Sabah jumlah duti setem yang berpunca daripada pengurusan tanah negeri memandangkan Hal Ehwal mengenai tanah adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri bukannya Kerajaan Persekutuan.  
(PM #7192 v1)
12. **Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak [Kota Belud]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan setakat ini berapa peratuskah sumbangan daripada industri kecil dan sederhana kepada pendapatan negara. Apakah tahap prestasi SMIDEC setakat ini dalam meningkatkan sumbangan kumpulan industri kecil dan sederhana kepada ekonomi negara.  
(PM #7073 v1)

13. **Tuan Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah pecahan bilangan pelajar-pelajar yang memasuki IPTA dan IPTS bagi sesi tahun 2000 ini mendapat biasiswa Kerajaan dan berapa pula mendapat pinjaman dari Tabung Pendidikan Tinggi Nasional atau mana-mana agensi Kerajaan. (PM #6658 v1)
14. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauhmanakah tindakan ataupun langkah-langkah yang telah serta akan diambil bagi mengatasi masalah kekurangan kemudahan asas (basic infrastructure) sekolah-sekolah luar bandar yang terdapat di ladang-ladang negara kita. (PM #6659 v1)
15. **Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah kemampuan Kerajaan mengatur langkah dalam membina Satelite negara yang boleh memantau ke atas segala sumber-sumber Alam Negara. (PM #7272 v1)
16. **Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timur]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada ibu-ibu dibenarkan memohon pasport antarabangsa untuk anak-anak mereka tanpa mendapatkan tandatangan bapa memandangkan hak kedua ibu dan bapa adalah sama mengikut Akta Penjagaan Kanak-Kanak (Pindaan) 1999. (PM #6678 v1)
17. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Harun [Rantau Panjang]** minta **MENTERI PERTANIAN** menyatakan berapa luas tanah padi di bawah MADA dan KADA yang telah dibangunkan dengan projek perumahan dan kawasan industri. (PM #6690 v1)
18. **Dato' Dr. Haji Hasan bin Mohd Ali [Parit Buntar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:
- (a) langkah-langkah jangka pendek yang diambil untuk menentukan kejadian salah laku serius pelajar di kawasan sekolah tidak berulang lagi; dan
  - (b) langkah jangka panjang untuk penyelesaian menyeluruh di samping mengatasi kebimbangan dan hilang keyakinan masyarakat terhadap wibawa institusi pendidikan negara. (PM #6720 v1)
19. **Tuan Muhyidin bin Abdul Rashid [Hulu Terengganu]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan membayar saguhati kepada anggota Home Guard yang telah bersama-sama Anggota Keselamatan mempertahankan tanah air dalam masa negara diancam komunis dalam tempoh darurat dahulu. (PM #6727 v1)
20. **Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan sekolah menengah di Sarawak dan berapakah jumlah sekolah tersebut yang kekurangan bilik darjah, bilik asrama, rumah guru, bekalan elektrik serta jumlahnya masing-masing dan apakah langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah tersebut. (PM #6752 v1)
21. **Tuan Haji Mustafa bin Ali [Dungun]** minta **MENTERI TENAGA, KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk membenarkan pihak swasta mengendalikan siaran secara langsung ke seluruh negara bagi setiap kali sidang Dewan Rakyat berjalan sebagaimana yang dibuat oleh pihak House of Commons di London. Jika tidak, apakah sebenarnya halangan yang tidak mengizinkan perkara tersebut dilakukan. (PM #6766 v1)
22. **Dato' Ir Mohd Zin bin Mohamed [Shah Alam]** minta **MENTERI PERTANIAN** menyatakan bilakah cadangan pihak Kerajaan untuk menutup pusat penyembelihan khinzir dan lembu di Seksyen 15 Shah Alam yang menyebabkan ketidakselesaan kepada penduduk awam kerana pusat penyembelihan tersebut terletak berdekatan dengan rumah kediaman di pusat bandar Shah Alam. (PM #6798 v1)

23. **Tuan Mat Basir bin Rahmat [Parit]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah motif Kementerian yang bercadang untuk meminda Akta Penerbitan dan Mesin Cetak dalam keadaan kebebasan media dan kebebasan bersuara di negara ini dipertikaikan dengan hebat.  
(PM #6808 v1)
24. **Tuan Hasan bin Mohamed [Besut]** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan kos iklan siaran langsung Perhimpunan Agung UMNO di kaca TV dan berapa banyakkah iklan yang tidak dapat disiarkan kerana siaran langsung Perhimpunan Agung UMNO.  
(PM #6810 v1)
25. **Datuk Yong Teck Lee [Gaya]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk mendapat kebebasan 21 tebusan yang diculik daripada Pulau Sipadan pada 23 April 2000, dan masih ditahan oleh penculik di Negara Filipina.  
(PM #6824 v1)
26. **Datuk Yong Teck Lee [Gaya]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bantuan yang telah dan akan diberi kepada keluarga-keluarga warganegara Malaysia mangsa penculikan Pulau Sipadan sejak 23 April 2000 oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia dan Kerajaan Negeri Sabah.  
(PM #6826 v1)
27. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keadaan globalisasi sekarang dan cara-cara untuk mengatasinya. Apakah langkah-langkah yang paling berkesan untuk jangka pendek dan panjang.  
(PM #6856 v1)
28. **Tuan Shukrimun bin Shamsudin [Kuala Nerus]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan badan yang dianggotai oleh pelbagai pihak yang berhak dan berkepentingan bagi mengkaji semula Dasar Pendidikan Negara bagi membentuk pelajar dan generasi masa depan yang benar-benar menjadi aset kepada umat dan negara, bukan sebaliknya liabiliti, berdasarkan kepada konsep kehidupan dua-dimensi iaitu vertikal dan horizontal.  
(PM #6878 v1)
29. **Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:
- (a) langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan kejadian penculikan seperti yang berlaku di Pulau Sipadan tidak berulang; dan
  - (b) adakah benar dakwaan bahawa langkah keselamatan telah diambil sebelum dan ketika kejadian itu berlaku tidak mencapai tahap keselamatan yang minum.  
(PM #6881 v1)
30. **Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff [Bachok]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai program dakwah Islamiah melalui internet:
- (a) adakah pihak Kerajaan melalui mana-mana agensinya telah mengadakan suatu program untuk memantau mana-mana laman web yang menyebarkan Islam agar ia benar-benar mengikut ajaran Islam sebenar; dan
  - (b) adakah Kerajaan telah atau belum mengadakan suatu laman web Islam sepertimana 'Kampung Net' yang telah pun dilaksanakan sejak tahun 1995 di Singapura.  
(PM #6902 v1)

31. **Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff [Bachok]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai 'E-Government':
- (a) definisi yang sebenar; dan
  - (b) objektif-objektifnya, Visi dan matlamat yang hendak dicapai.
- (PM #6906 v1)
32. **Tuan Che Ghani bin Ambak [Setiu]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kerajaan Pusat akan memulakan projek pembesaran Lapangan Terbang Kuala Terengganu kerana lapangan terbang yang sedia ada tidak lagi mampu menampung keperluan penumpang terutamanya pelancong. Sehubungan itu, apakah dasar Kerajaan dalam menentukan projek lapangan terbang terutama berhubung dengan kos pembesaran dan kos pengambilan tanah.
- (PM #6935 v1)
33. **Dato' Kamarudin bin Jaafar [Tumpat]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menerima desakan daripada hampir 1,000 wartawan media utama negara yang mahukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dan Akta Rahsia Rasmi dimansuhkan.
- (PM #6942 v1)
34. **Tuan Ronald Kiandee [Beluran]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membebaskan mereka yang telah menjadi tebusan Sipadan oleh Kumpulan Abu Sayyaf. Bagaimanakah kesungguhan Kerajaan Filipina dalam membantu menyelesaikan masalah tebusan ini secepat mungkin.
- (PM #6961 v1)
35. **Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pertahanan untuk mengurangkan ke tahap minima bilangan juruterbang pesawat TUDM yang terlatih yang berhenti daripada TUDM untuk berkhidmat dengan syarikat penerbangan swasta.
- (PM #6967 v1)
36. **Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah kedudukan terkini mengenai 21 orang yang ditawan oleh anggota "Abu Sayyaf" di Pulau Sipadan dan apakah usaha Kerajaan Malaysia dalam soal membebaskan tawanan tersebut.
- (PM #7000 v1)
37. **Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah:-
- (a) sekolah rendah; dan
  - (b) sekolah menengah yang dirancangan dibina dalam Rancangan Malaysia ke-7 bagi Negeri Sabah. Setakat ini berapa jumlah sekolah telah siap dibina bagi kedua-dua kategori.
- (PM #7001 v1)
38. **Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang diambil bagi menyekat keganasan yang berlaku di kalangan pelajar-pelajar sekolah yang membabitkan guru-guru dan harta benda sekolah.
- (PM #7002 v1)

39. **Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian bersedia untuk menyelaras program-program pengajian di IPTS bagi melahirkan suatu identiti yang mencerminkan bentuk sebenar kehidupan masyarakat dan bangsa di negara ini.  
(PM #7003 v1)
40. **Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-
- (a) jumlah kerja kontrak yang dianugerah kepada kontraktor bukan bumiputera dan peraturan jumlah kerja kontrak bagi tahun 1999 dan tempoh enam bulan berakhir 30.6.2000; dan
  - (b) sama ada Kerajaan dapat mempertimbang untuk menaikkan peruntukkan kerja kontrak kepada bukan bumiputera.
- (PM #7026 v1)
41. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah seorang Perdana Menteri berketurunan bukan Melayu boleh dilantik di Malaysia dan mengapakah beliau tidak melantik seorang Timbalan Perdana Menteri bukan Melayu bagi membantunya memulihkan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan.  
(PM #7031 v1)
42. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap amalan rasuah dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan kedudukan kes tangkapan Pengarah Penjaja Dewan Bandaraya.  
(PM #7033 v1)
43. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]** minta **MENTERI PERTANIAN** menyatakan adakah Kementerian sedar, petani-petani dalam kawasan Rancangan Perairan MUDA (MADA) sering menghadapi masalah bekalan air kerana sistem saliran dan pengairan yang tidak lengkap. Apakah Kerajaan mempunyai peruntukan untuk meningkatkan keupayaan sistem tersebut. Contohnya blok ARBD 5 Lat 1000 kawasan Ujong Batu DUN Tambun Tulang yang tertangguh sekian lama.  
(PM #7056 v1)
44. **Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:
- (a) jumlah serta pecahan yuran sekolah rendah dan sekolah menengah di negara kita; dan
  - (b) perbezaan yuran sekolah bagi pelajar warganegara Malaysia dan pelajar asing. Dan apakah sebab perbezaan tersebut.
- (PM #7058 v1)
45. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan semasa Kementerian merancang dan melaksanakan pembinaan lebuh raya merentasi sawah padi, adakah Kementerian mengambil kira kemudahan asas seperti jalan ladang, parit-parit pengairan supaya tidak terjejas. Jika petani menghadapi masalah yang memerlukan tindakan segera seperti banjir dan lain-lain, adakah pihak kontraktor boleh membiayai kos mengatasi masalah tersebut.  
(PM #7059 v1)
46. **Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan baru berkenaan dengan pembinaan Aerobridge di Lapangan Terbang Sandakan yang dijangkakan bermula pembinaan pada Jun 2000.  
(PM #6640 v1)

47. **Tuan Philip Benedict Lasimbang [Penampang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagi tempoh 1990-1999 berapa banyak syarikat tempatan di Sabah telah diberi peluang untuk melaksanakan projek-projek PETRONAS (Kontrak) yang diberikan. (PM #7104 v1)
48. **Tuan Goh Kheng Huat [Nibong Tebal]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah operasi yang telah dilaksanakan di seluruh Malaysia dalam usaha membanteras gejala penyalahgunaan Pil Ecstasy. Berapakah penagih Pil Ecstasy yang telah ditahan dan berapakah yang telah dihadapkan ke Mahkamah. (PM #7117 v1)
49. **Tuan Kong Cho Ha [Lumut]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek Jalan Persekutuan laluan 18 dapat dilaksanakan, memandangkan jalan Lumut/ Sitiawan merupakan satu jalan persekutuan dengan lalu lintas yang paling sesak. Oleh itu ia hendaklah dilaksanakan secepat mungkin untuk kemudahan rakyat jelata. (PM #7126 v1)
50. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kes-kes siasatan Badan Pencegah Rasuah ke atas pegawai-pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan bilakah pendakwaan dilakukan ke atas mereka dan apakah program untuk menjadikan DBKL bebas rasuah. (PM #7145 v1)
51. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan:
- (a) kriteria pemilihan panel Lembaga Penapisan Filem Negara untuk mengawal pakaian dan persembahan lakonan artis-artis luar negara serta tempatan; dan
  - (b) sejauh manakah kod etika artis-artis dikuatkuasakan terhadap artis-artis tempatan dan bentuk tindakan yang telah diambil terhadap mereka kerana mereka merupakan role model kepada anak-anak muda zaman kini. (PM #7148 v1)
52. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:
- (a) jumlah pusat serenti, kakitangan dan penagih dadah yang mengikuti program pemulihan di seluruh negara dan jumlah pembiayaannya untuk tahun 1997 hingga kini serta bentuk rawatan yang dijalankan; dan
  - (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan bayaran kepada ibu bapa pelatih yang sering keluar masuk ke pusat tersebut. (PM #7152 v1)
53. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta **MENTERI PERTANIAN** menyatakan mengapakah projek tebatan banjir Wilayah Persekutuan gagal menyekat banjir melanda di beberapa tempat di Kuala Lumpur dan apakah langkah terbaru untuk mengatasinya. (PM #7164 v1)
54. **Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membendung kenaikan kadar inflasi dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kadar faedah yang ada sekarang ini sebagai salah satu usaha untuk membendung inflasi. (PM #7175 v1)

55. **Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kedudukan terkini dan langkah-langkah diambil mengenai penyelesaian pembebasan 21 orang tebusan yang diculik oleh kumpulan Abu Sayyaf pada 24 April 2000 lalu. (PM #7195 v1)
56. **Tuan Haji Saupi bin Daud [Tanah Merah]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah program rakan muda yang telah dibatalkan dan di atas sebab-sebab apa ia dibatalkan. (PM #7207 v1)
57. **Dato' Ho Cheong Sing [Ipoh Barat]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilangan kontrak Jabatan Kerajaan yang bernilai melebihi 1 juta yang telah ditawarkan kepada Kontraktor Bumiputera dan bukan Bumiputera. Sila nyatakan bilangan dan juga jumlah harga kontraknya untuk tahun 1998, 1999 dan 2000. (PM #7227 v1)
58. **Dr. Tan Yee Kew [Klang]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kes tangkapan mengenai kesalahan mesin judi haram dan berapa kes yang telah dibawa ke Mahkamah pada tahun ini. Apakah hukuman yang tertinggi dijatuhkan terhadap mereka yang bersalah, adakah Kementerian mencadangkan hukuman penjara mendatori terhadap mereka yang bersalah. (PM #7229 v1)
59. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah perlu bagi mengatasi kejadian tanah runtuh kerana kajian Universiti Teknologi MARA (UITM) mendapati 43 kawasan di Lebuhraya Utara-Selatan di Perak membentuk hakisan gegeluk (gully erosion) dan mempunyai risiko tinggi. (PM #7234 v1)
60. **Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:
- (a) memandangkan masalah keselamatan di Selangor semakin serius, apakah angka laporan kes jenayah di seluruh negara, Selangor dan Petaling Jaya Utara dalam 6 bulan yang lepas yang telah diterima oleh pihak polis dan keadaannya berbanding dengan tahun yang lepas; dan
  - (b) memandangkan bilangan anggota polis untuk setiap daerah adalah sangat kurang setakat ini, apakah langkah diambil oleh pihak polis dalam mengatasi dan mencegah kes jenayah.
- (PM #7240 v1)
61. **Tuan Nasharudin bin Mat Isa [Yan]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan mengapakah Kerajaan sehingga kini masih tidak dapat membawa pulang tebusan-tebusan terutamanya rakyat Malaysia yang diculik di Pulau Sipadan dengan selamat. (PM #7245 v1)
62. **Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor [Machang]** minta **MENTERI PERUSAHAAN UTAMA** menyatakan apakah kadar cess yang dikenakan pada masa ini ke atas getah-getah yang dieksport keluar negara dan berapakah jumlah kutipan cess yang dipungut dalam tahun 1997, 1998 dan 1999. (PM #7260 v1)
63. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah kekurangan kakitangan terutama sekali menambahkan doktor pakar, pegawai perubatan dan jururawat di Hospital Bintulu. (PM #6675 v1)



64. **Tuan Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tentang apakah pendirian dan penjelasan Kerajaan di atas tuduhan yang dilemparkan oleh seorang Senator di negara Filipina yang menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia tidak memberi layanan yang cukup dan baik terhadap pelarian-pelarian Filipina di negeri Sabah.  
(PM #7295 v1)
65. **Tuan Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:
- (a) senaraikan nama anak-anak syarikat kepunyaan Lembaga Urusan Tabung Haji; dan
  - (b) berapakah jumlah anak-anak Syarikat Lembaga dan Urusan Tabung Haji yang menanggung kerugian. Sila nyatakan nama anak-anak syarikat tersebut.  
(PM #7319 v1)
66. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Hal Ehwal Agama Bukan Islam bagi menguruskan pelbagai masalah penganut-penganut dan kemudahan tempat beribadat; jika ya, bilakah dicadangkan penubuhannya.  
(PM #7325 v1)
67. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pendatang asing yang masih ditahan dan bilakah akan dihantar pulang ke negara asal, untuk hal ini berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk penahanan dan penghantaran pulang pada 1998, 1999 hingga Mei 2000.  
(PM #7328 v1)
68. **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjung]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah dapat mencegah amalan rasuah dan penyelewangan kuasa di Malaysia dan sama ada Kerajaan bercadang untuk menjadikan BPR sebuah badan bebas yang dikawal oleh Parlimen.  
(PM #7348 v1)
69. **Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta **MENTERI PERTANIAN** menyatakan adakah Jawatankuasa Khas Tebatan Banjir telah mengkaji masalah banjir di kawasan Bukit Mertajam khususnya di Taman Sri Rambai, Taman Sentul Jaya Taman Mankok, Kampung Machang Bubuk dan Kampung Alma. Apakah program yang akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini.  
(PM #7349 v1)
70. **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjung]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkembangan terkini mengenai cadangan membina projek "Second Link" di negeri Pulau Pinang dan apakah maklumbalas yang diterima oleh Kerajaan negeri Pulau Pinang.  
(PM #7350 v1)
71. **Dato' Haji Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan pihaknya untuk memastikan kadar pertumbuhan ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan selari dengan kejayaan pemulihan ekonomi peringkat nasional.  
(PM #7371 v1)
72. **Tuan Muhamad bin Mustafa [Peringat]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai agensi-agensi Kerajaan yang akan dikoprat atau diswastakan pada masa akan datang, dan apakah kesan-kesan sampingan yang membebankan rakyat hasil dari pengkoprat dan penswastakan yang lalu dan bagaimana langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasinya dengan segera.  
(PM #7395 v1)

73. **Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:
- (a) berapakah kes pencurian bagasi yang telah dilaporkan di KLIA pada tahun 1999 dan tahun ini sehingga Jun 2000; dan
  - (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah kejadian ini. (PM #7399 v1)
74. **Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah bentuk tindakan susulan yang akan diambil oleh pihak Kementerian terhadap pertubuhan belia yang tidak aktif atau gagal melaksanakan sebarang aktiviti belia. (PM #7416 v1)
75. **Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk meningkatkan sistem pembelajaran dan latihan di IKBN di seluruh negara bagi melahirkan pemimpin belia yang berketrampilan, berperibadi tinggi dan berwibawa untuk meneruskan agenda pembinaan generasi belia, dan bukan sekadar menguasai bidang kemahiran teknikal sahaja. (PM #7419 v1)
76. **Tuan Alwi bin Jusoh [Pasir Puteh]** minta **MENTERI TANAH DAN PEMBANGUNAN KOPERASI** menyatakan jumlah keluasan tanah Rizab Melayu telah diambil alih di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk tujuan pembangunan bagi Rancangan Malaysia Ke-5, Ke-6 dan Ke-7 bagi negeri seluruh Persekutuan dan berapakah keluasan sebenar yang telah diganti mengikut negeri masing-masing. (PM #7438 v1)
77. **Tuan Alwi bin Jusoh [Pasir Puteh]** minta **MENTERI TANAH DAN PEMBANGUNAN KOPERASI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang menggazetkan tanah-tanah Felda dan tanah-tanah di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah sebagai tanah Rizab Melayu. (PM #7441 v1)
78. **Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
- (a) semenjak perkhidmatan CIDB diwujudkan tidak ada perubahan dalam pemantauan dan kawalseliaan berlaku selain dari memungut wang untuk Kerajaan. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula industri pembinaan supaya PKK dikukuhkan dan CIDB dibubarkan; dan
  - (b) adakah Kerajaan sedar tiap-tiap caj yang dikenakan kepada pihak swasta akan menambah kos projek. Jikalau tidak ditambah kepada kos projek akan dilaksanakan dengan 'cutting corners'. (PM #7444 v1)
79. **Tuan Juslie bin Ajirol [Libaran]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-
- (a) adakah rancangan Kementerian membina sekolah berasrama desa di seluruh negara khususnya di Sabah dan Sarawak; dan
  - (b) apakah usaha Kerajaan bagi mengatasi masalah kurangnya tempat tinggal guru-guru terutamanya di luar bandar. (PM #7472 v1)
80. **Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan betapakah seriusnya ancaman dadah di negara ini dan berapakah nilai dadah yang berjaya dirampas sepanjang tahun 1998 dan 1999. (PM #7515 v1)

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1.	(D.R. 3/2000)	Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 2000	Bacaan Kali Yang Kedua
2.	(D.R. 23/2000)	Rang Undang-undang Cakera Optik 2000	”
3.	(D.R. 4/2000)	Rang Undang-undang Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000	”
4.	(D.R. 7/2000)	Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2000	”
5.	(D.R. 16/2000)	Rang Undang-undang Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (Pindaan) 2000	”
6.	(D.R. 5/2000)	Rang Undang-undang Jualan Dadah (Pindaan) 2000	”

7. **Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1) kepada Y.B. Ahli bagi Kawasan Permatang Pauh untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Skim Insuran Kesihatan Nasional 2000.

8. **Dato Fadzil bin Mohd. Noor (Pendang)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini:

Memandangkan terdapat beberapa kes kematian di kalangan orang-orang yang berada dalam tahanan polis semasa penyiasatan, terutama yang berlaku ke atas tahanan yang sebelumnya berada dalam keadaan sihat;

Memandangkan terdapat keraguan mengenai punca kematian seperti yang digambarkan dalam kes kematian seorang pemuda 15 tahun yang disebut di mahkamah Alor Setar baru-baru ini, dan kematian seorang tahanan dalam lokap polis Rawang tahun lalu;

Memandangkan isu ini telah mencapai tahap yang membimbangkan dan menyebabkan rakyat hilang kepercayaan kepada pihak polis, kerana tahanan ini mati mungkin akibat kecederaan yang dialami semasa dalam penyiasatan, dan ini akan membawa kepada sikap tidak bekerjasama rakyat kepada pihak polis pada masa akan datang;

Memandangkan ketiadaan penjelasan yang memuaskan daripada pihak polis mengenai setiap kejadian tersebut, melainkan daripada sumber-sumber yang mungkin akan menambahkan kekeliruan masyarakat.

Maka Dewan ini hendaklah membincangkan perlunya diwujudkan satu suruhanjaya penyiasat bebas yang ditubuhkan oleh Parlimen bagi mengenalpasi punca kematian orang dalam tahanan polis dan pihak yang bertanggungjawab dalam setiap kes, serta mengeluarkan kertas putih mengenai perkara ini bagi mengembalikan semula keyakinan rakyat kepada pasukan polis.

9. **Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mendebatkan kes-kes wabak seperti AIDS terutamanya jangkitan melalui pemindahan darah di hospital-hospital dan langkah-langkah untuk mengatasi wabak-wabak ini. Dewan ini juga membincangkan wabak Enterovirus di negara ini khasnya di Sarawak termasuk yang berlaku pada awal tahun ini.

10. **Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya semua ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara diberi kemudahan komputer dan Internet di pejabatnya di Parlimen dan juga komputer bimbit untuk tujuan memudahkan semua ahli Parlimen mendapatkan sokongan maklumat semasa selaras dengan dasar negara yang menggalakkan penguasaan teknologi maklumat.

11. **Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya Kerajaan memulihkan Pilihanraya Kerajaan Tempatan dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan Kerajaan tempatan dalam pelaksanaan tanggungjawab mereka.

12. **Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) daripada bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri ke Parlimen, dengan tujuan meningkatkan kewibawaan dan keberkesanan BPR.

13. **Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya undang-undang Anti Gangguan-Seksual digubal demi mempertahankan mangsa yang mengalami gangguan seksual dan juga maruah wanita yang teraniaya di Malaysia.

14. **Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengutuk dengan sekeras-kerasnya tindakan pihak Kabinet melalui keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Januari, 2000 yang telah mengambil keputusan supaya Jabatan/Agensi Persekutuan di Negeri Terengganu dan Kelantan tidak memberi taklimat kepada kedua-dua Kerajaan negeri berkenaan.

Bahawa Dewan ini kesal dengan keputusan tersebut yang mendiskriminasi Kerajaan Negeri Terengganu dan Kelantan yang ditadbir oleh Kerajaan PAS/BA, kerana tindakan itu mencerminkan pencabulan prinsip dan hak kebebasan rakyat menentukan kepimpinan dan Kerajaan.

Maka dengan ini Dewan mengambil ketetapan agar arahan tersebut ditarik balik seberapa segera bagi menjamin kelicinan pemerintahan dan pentadbiran Kerajaan di Negeri Terengganu dan Kelantan di samping menjamin kesejahteraan rakyat.

15. **Dr. Syed Azman Syed bin Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)** akan mencadangkan:

Bahawasanya Dewan ini menggesa agar Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyelesaikan segera isu tragedi pembunuhan umat Islam di Memali yang berlaku pada tahun 1985 yang telah mengorbankan 14 orang penduduk Kampung Memali.

Bahawa Dewan ini merasa kesal kerana sehingga kini kes-kes pendakwaan terhadap penduduk Memali tidak dapat diselesaikan melalui Mahkamah.

Maka dengan ini Dewan mengambil ketetapan agar Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengambil langkah menegerakan keadilan terlaksana kepada mangsa tragedi Memali yang menderita sehingga kini.

16. **Drs. Abu Bakar bin Othman (Jerlun)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini:

Menyedari bahawa kepentingan rakyat untuk mendapat maklumat setelah memberikan mandat kepada Kerajaan sama ada peringkat pusat ataupun negeri adalah mengatasi segala kepentingan peribadi sama ada berbentuk kepentingan pemimpin dan politik kepartian tertentu;

Menyedari bahawa kemerdekaan negara memberi dan membuka peluang untuk rakyat menikmati segala kemudahan dan kemajuan terutama sekali berkaitan dengan alat-alat teknologi dan elektronik untuk menyampaikan maklumat kepada rakyat melalui pelbagai sumber peringkat pusat dan negeri yang berwibawa dan bertanggungjawab;

Menyedari bahawa kedudukan dunia yang semakin mengecil oleh proses globalisasi yang membawa kesan buruk-baik, yang pada sebahagian impak dan fungsinya menjejaskan kepentingan-kepentingan rakyat sesuatu wilayah dan negeri yang berkenaan, justeru kepentingan mereka perlu dilindungi dan dihormati; dan

Menginsafi nasib dan masa depan rakyat tidak boleh diperjudikan oleh manipulasi dan monopoli maklumat oleh pihak tertentu yang ingin mengekalkan kuasa rakus, keserakahan dan kemaharajalelaan semata-mata;

Maka Dewan ini membincangkan perlunya Kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu diberi lesen kelulusan untuk mengendalikan stesen radio atas nama Kerajaan Negeri masing-masing sebagaimana lesen yang telah diberikan kepada agensi sokongan Kerajaan seperti IKIM, pihak swasta dan pelbagai syarikat penyiaran yang lain; dan

Dewan ini juga di atas nama keadilan dan kesaksamaan hak rakyat, dengan rasa tanggungjawab dan jiwa besar menyokong dan meluluskan khususnya untuk rakyat di negeri Kelantan dan Terengganu untuk mendapat maklumat melalui media elektronik atau stesen radio yang relevan berkaitan pelbagai aspek kehidupan yang sahih dan terkini, tanpa dicemari oleh kepentingan dan keserakahan mana-mana pihak, maka sudah tiba masanya kedua-dua negeri berkenaan tidak lagi didiskriminasikan dari segi ruang dan peluang menikmati maklumat yang positif, benar dan konstruktif.

17. **Drs. Abu Bakar bin Othman (Jerlun)** akan mencadangkan:

Bahawa Dewan ini:

Menyedari bahawa masalah hak mendapatkan peluang pendidikan dan melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi sama ada di dalam atau di luar negeri merupakan hak asasi rakyat yang perlu disokong dan digalakkan oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan, malah dalam keadaan biasa, mesti dipermudahkan;

Mengakui bahawa tradisi pembelajaran mesti dikekalkan supaya rakyat negara ini mempunyai taraf keilmuan dan kemahiran yang tinggi, serta minat untuk menimba ilmu sentiasa berkobar-kobar dalam jiwa rakyat Malaysia;

Menyedari bahawa pusat-pusat pengajian tinggi di Timur Tengah khususnya universiti Al-Azhar dari segi sejarah telah menjadi pusat tradisi yang berakar umbi sejak ratusan tahun bagi rakyat negeri ini untuk mendapatkan ilmu dan sumber pengajian agama yang terbaik, yang diakui sebagai 'benchmark' pendidikan ilmu -ilmu Islam; dan

Menginsafi bahawa hubungan baik dan pengiktirafan pusat-pusat pengajian tinggi di rantau Timur Tengah terhadap para lulusan pusat-pusat pengajian tradisional/menengah di negara ini telah wujud sekian lama dan memberikan imej yang baik bagi sistem pendidikan agama negara ini,

Maka Dewan ini hendaklah membincangkan perlunya Kementerian Pendidikan membatalkan syarat kelulusan ataupun sijil kelulusan STAM yang dijadikan syarat untuk melanjutkan pengajian ke pusat-pusat pengajian di rantau Timur Tengah. Dengan ini, proses kemasukan ke Institusi di Timur Tengah dikekalkan menggunakan kriteria kelulusan sijil-sijil sediaada. Sijil STAM yang dijadikan syarat, kononnya untuk meningkatkan mutu pendidikan pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi di luar negeri, pada hakikatnya adalah langkah ke belakang yang sengaja ingin menyekat dan menyusahkan pelajar-pelajar tempatan untuk melanjutkan pengajian di luar negeri. Manakala lulusan dari sistem dan pusat-pusat pengajian berkenaan telah terbukti ramai dari mereka menjadi insan yang matang dan berwibawa menangani dunia kehidupan, lingkungan dan mampu menghadapi zamannya serta cabaran masa depan.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

<b>TAHUN <u>2000</u></b>	<b>RISALAT/DOKUMEN</b>	<b>TARIKH <u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 77	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia bagi tahun 1998	10 Julai, 2000
ST. 84	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Labuan bagi tahun 1998	10 Julai, 2000
ST. 87	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perpustakaan Negara Malaysia bagi tahun 1998	10 Julai, 2000
ST. 90	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Hospital Universiti, Universiti Malaya bagi tahun 1998	10 Julai, 2000

